

JOM DAFTAR!
DAPATKAN VAKSIN ANDA
PENANG LAWAN COVID-19



16 - 30 APRIL, 2021

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# Sesi Libat Urus

## laksana prinsip semak dan imbang

Oleh : **SUNARTI YUSOFF & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan pada Sesi Libat Urus Antara Exco Bersama-sama ADUN Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyeru Perdana Menteri agar memanggil persidangan Parlimen dalam kadar segera.

Beliau menegaskan bahawa fungsi badan perundangan adalah amat diperlukan bagi membolehkan setiap Ahli Parlimen memainkan peranan masing-masing terutamanya semak dan imbang walaupun dalam tempoh pandemik COVID-19 kini.

"Sudah banyak pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyuarakan pandangan ini melalui penganjuran pelbagai aktiviti termasuk apa yang berlaku di hadapan Parlimen baru-baru ini.

"(Dan) kita tidak nampak mengapa tadika, pasar malam, pawagam dan sebagainya boleh dibuka kecuali Parlimen. Oleh itu, kita menyeru Perdana Menteri supaya memanggil sidang Parlimen secepat mungkin bagi membolehkan wakil rakyat memainkan fungsi mereka sebagai semak serta imbang.

"Pada masa sama, ia juga bagi memastikan agensi-agensi kerajaan kekal proaktif dan sentiasa peka serta prihatin terhadap isu-isu rakyat selain badan eksekutif dapat dipantau dengan rapi," tegasnya pada sidang media penganjuran Sesi Libat Urus Antara Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang di sini pada 29 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa sesi libat urus yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri membuktikan bahawa persidangan sama boleh dijalankan di peringkat Parlimen dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

"Setelah saksikan apa berlaku (semasa sesi libat urus), kita tegaskan seruan ini secara rasmi kerana terbukti ia boleh dilangsungkan sebaiknya dengan pematuhan SOP," ujarnya.

Sebelum itu, Kon Yeow dalam ucapan aluan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menganjurkan Sesi Libat Urus antara Exco bersama ADUN-ADUN Pulau Pinang selama dua hari bagi memastikan prinsip semak dan imbang dapat dilaksanakan dalam tampuk pentadbiran susulan pengisytiharan Proklamasi Darurat yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Sesi libat urus ini memainkan fungsi sebagai semak dan imbang kepada Kerajaan Negeri, barisan Exco dan agensi-agensi kerajaan supaya sentiasa peka serta prihatin kepada permasalahan rakyat.

"Setiap ahli Exco akan mengemas kini perkembangan dan pelaksanaan dasar, projek serta program di bawah portfolio masing-masing sebelum sesi soal jawab untuk membolehkan ADUN-ADUN mengemukakan perkara-perkara berbangkit.

"Justeru, kita menyaksikan ramai wakil rakyat mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan isu-isu berhubung dengan portfolio Ahli-Ahli Exco yang membentangkan urusan portfolio masing-masing," ulasnya.

Dalam pada itu, pada sidang media berasingan, Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya akan menghantar surat kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung hasrat mengadakan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang semasa tempoh darurat.

Menurut beliau, Seksyen 15(1)(b) Ordinan Darurat jelas memperuntukkan bahawa DUN boleh dipanggil untuk bersidang walaupun Parlimen tidak bersidang, dengan melalui syor yang dikemukakan oleh Yang Dipertua Negeri atas nasihat Mesyuarat Exco Negeri Pulau Pinang kepada Yang Dipertuan Agong.

Tambahnya, hasrat itu adalah berpandukan kepada pandangan Jabatan Peguam Negara yang diberikan kepada Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri.

"Melalui proses perundingan antara Yang Dipertua Negeri dan Yang Dipertuan Agong, yang mana syor itu tidak mengikat Yang Dipertuan Agong, Yang Dipertuan Agong boleh membuat apa-apa pertimbangan yang sewajarnya di bawah Seksyen 15(1)(b) Ordinan Darurat tersebut.

"Oleh kerana kuasa-kuasa ini akan diguna pakai menurut Ordinan Darurat yang berhubungan dengan penularan wabak COVID-19, cadangan untuk penetapan tarikh memanggil sidang DUN tersebut sewajarnya dikemukakan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) terlebih dahulu untuk tindakan selanjutnya.

"Untuk tujuan tersebut juga, kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) akan menghantar surat rasmi kepada MKN bagi memohon kebenaran bagi membolehkan Sidang DUN dijalankan," jelas Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong semasa menyampaikan ucapan penutup dalam Sesi Libat Urus Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan ADUN di sini pada 30 Mac 2021.

*(Sambungan di muka 2 dan 8).*

Sesi Libat Urus Antara Exco Bersama-sama ADUN Pulau Pinang

(Dari muka 1).

# Institusi pendidikan Islam terus diperkasa

**GEORGE TOWN** – Demi memperkasakan institusi-institusi pendidikan Islam di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri yang diterajui Pakatan Harapan meluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM500,000 bagi tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya.

Menurut Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, peruntukan tambahan itu menyamai kira-kira 25 peratus berbanding RM2.99 juta angka asal yang diluluskan dalam Belanjawan 2020 pada sesi persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 1 November 2019.

Penjelasannya sekali gus menjawab pertanyaan Ketua Pembangkang Pulau Pinang, Datuk Muhamad Yusoff Mohd. Noor berhubung usaha Kerajaan Negeri membantu institusi-institusi pendidikan Islam di negeri ini semasa pandemik COVID-19.

"Pemberian peruntukan bantuan kepada institusi pendidikan agama Islam tahun 2020 adalah melibatkan 331 buah institusi pendidikan agama Islam berdaftar yang layak… berbanding tahun 2019, terdapat pertambahan sebanyak 26 buah institusi pendidikan agama Islam berdaftar tahun 2020 layak diberikan bantuan.

"(Dan) dengan kenaikan 25 peratus pertambahan peruntukan oleh Kerajaan Negeri (adalah menyamai angka) sebanyak RM500,000," jelasnya semasa berucap dalam Sesi Libat Urus Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang 2021 di sini pada 30 Mac 2021.

Selain itu, Ahmad Zakiyuddin turut menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri hari ini turut meluluskan peruntukan sejumlah RM661,900 bagi pemberian bantuan khas kewangan kali kedua untuk tahun 2020 kepada penyelia serta guru Kelas Al-Quran dan Fardu 'Ain (KAFA); guru Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK); guru Tadika Islam (TADIS) serta guru tahfiz..

"Ini jelas merupakan manifestasi kepada kesinambungan sebagai tanda pengiktirafan, penghargaan serta terima kasih Kerajaan Negeri kepada semua institusi pendidikan agama Islam berdaftar atas segala sumbangan dan jasa dalam menyampaikan pendidikan agama Islam di sekolah agama negeri ini yang telah mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang pendidikan," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pembangunan Usahawan.

## Fokus pembangunan bakat tempatan

**GEORGE TOWN** – Pendidikan merupakan salah satu penyumbang penting dalam pembangunan ekonomi negara malah juga melengkapkan generasi muda dengan kemahiran dan keupayaan dalam pasaran kerja serta menjadi asas dalam transformasi negara.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mengambil inisiatif melaksanakan pelbagai peluang pembelajaran kepada para pelajar di negeri ini meskipun bidang pendidikan terletak di bawah Kerajaan Persekutuan.

Menurut Timbalan Ketua Menteri II yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains dan Teknologi, Prof. Dr. P. Ramasamy, menyedari kepentingan pendudukan sebagai jentera utama penggerak ekonomi negeri, Kerajaan Negeri telah memberi fokus terhadap pembangunan bakat tempatan khasnya dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) bagi memenuhi keperluan modal insan berkemahiran tinggi di Pulau Pinang.

"Selain itu (pembelajaran STEM), Kerajaan Negeri juga menitikberatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di negeri ini.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui *Penang Education Council* bakal mengadakan usahasama dengan *Malaysian-American Commission on Education Exchange* (MACEE) di bawah Kedutaan Amerika Syarikat untuk melaksanakan Program Pembantu Pengajar Bahasa Inggeris (ETA) Fullbright Malaysia di sekolah-sekolah menengah di negeri ini.

"Program ini bertujuan untuk meningkatkan minat, kemahiran serta keyakinan diri pelajar dalam menggunakan bahasa Inggeris sekali gus membolehkan pelajar-pelajar ini mengakses pelbagai kandungan pembelajaran dalam talian yang kebanyakannya tersedia dalam bahasa Inggeris," katanya ketika berucap pada Sesi Libat Urus Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang 2021 di The Wembley – St. Giles Hotel dekat sini pada 30 Mac 2021.

Mengulas lanjut, Ramasamy yang juga ADUN Perai memaklumkan bahawa hampir RM450,000 diperuntukan oleh Kerajaan Negeri bagi melaksanakan program pendidikan di bawah Jawatankuasa MMK Pendidikan dan *Penang Education Council*.

"Antara program pendidikan yang dianjurkan adalah program intervensi bagi kanak-kanak bermasalah membaca, program *'No Child Left Behind in Inclusive Education'*, festival bercerita dan lain-lain lagi.

"Selain itu, sejumlah RM146.77 juta diperuntukan (2009 hingga 2020) kepada sekolah-sekolah kebangsaan, menengah kebangsaan, sekolah Cina, sekolah Mubaligh, sekolah agama dan sekolah Tamil bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa semasa sesi pembelajaran di sekolah.

"Namun, memandangkan situasi COVID-19 masih tidak stabil, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin merakamkan penghargaan kepada para guru dan ibu bapa yang mengambil pelbagai inisiatif bagi menjayakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Diharap para guru kekal komited dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik.

"Pada masa sama, mana-mana keluarga yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan peranti bagi proses e-Pembelajaran, terutamanya golongan B40, Kerajaan Negeri akan memberikan perhatian khusus dan membantu agar tidak ketinggalan," ujarnya yang turut memberikan respons terhadap pertanyaan daripada ADUN-ADUN berkaitan sepanjang tempoh 90 minit berkaitan.

## Koridor kadar bantuan kewangan BAES ditingkat

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sejak 1 Januari lalu meningkatkan koridor kadar bantuan kepada 1,668 penerima menerusi skim Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES).

Mengulas lanjut, Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh memberitahu bahawa koridor baharu bantuan kepada para penerima skim bantuan kewangan bulanan tersebut adalah antara RM1,300 hingga RM100, berbanding sebelum ini (antara RM770 hingga RM220).

Tujuan pelaksanaan skim tersebut, menurut beliau adalah untuk menambah pendapatan bulanan sesebuah isi rumah agar melepasi nilai Pendapatan Per Kapita (PPK) iaitu RM260, seterusnya mengeluarkan mereka daripada kelompok 'Isi Rumah Miskin'.

"Bantuan Am yang dijenamakan sebagai BAES ini disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)...bagi meringankan beban golongan sasar dengan menambahkan pendapatan isi rumah miskin di Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu semasa berucap dalam Sesi Libat Urus Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang di sini pada 29 Mac 2021.

Dalam perkembangan berkaitan, Boon Poh turut memberitahu bahawa seramai 82 penerima telah dikenal pasti layak oleh pejabat-pejabat tanah dan daerah negeri untuk dipertimbang mendapat manfaat dalam Program Baik Pulih Rumah Daif di Bandar pada tahun 2021.

## TWOAS pastikan perwakilan wanita dan lelaki seimbang

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang menjadi negeri pertama yang memulakan inisiatif *Top-Up Women-Only Additional Seats* (TWOAS) atau Kerusi Tambahan Untuk Wanita bagi memastikan minimum 30 peratus perwakilan wanita di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN).

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng memberitahu bahawa inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri itu adalah untuk menambah perwakilan wanita dalam DUN melalui pelantikan sekiranya keahlian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wanita tidak mencapai 30 peratus.

"TWOAS merupakan sistem demokrasi yang mencerminkan komposisi terkini parti politik di DUN iaitu berdasarkan peratusan undi yang diperoleh oleh parti politik ketika pilihan raya umum.

"Selain itu, ia menunjukkan kepelbagaian dalam masyarakat kita dengan memastikan keseimbangan antara perwakilan wanita dan lelaki.

"Menurut laporan daripada *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD), sasaran pecahan jantina di parlimen dapat menjaminkan perwakilan populasi sebenar sesebuah negara.

"Tambahan pula, data dari Jabatan Perangkaan Pulau Pinang 2020 telah menunjukkan bahawa negeri kita telah hampir mencapai nisbah populasi 50 (lelaki): 50 (wanita)," ujarnya pada Sesi Libat Urus Antara Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang 2021 di sini.

Tambah Chong Eng, kaedah seumpama TWOAS telah dilaksanakan oleh negara-negara lain seperti Jepun dan Bangladesh yang mana telah terbukti ia merupakan inisiatif yang baik.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa pelaksanaan TWOAS di Pulau Pinang telah mendapat sokongan yang padu daripada wakil-wakil rakyat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin-pemimpin politik mahupun orang perseorangan di dalam dan luar negara.

"Calon yang berkelayakan akan dipilih bagi membawa suara wanita ke peringkat lebih tinggi, justeru, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Sosial telah menubuhkan *Talent Pool Database* bertujuan mengumpul maklumat dan latar belakang calon wanita yang bersesuaian,'' ulasnya.

Menutup ucapannya, Chong Eng menjelaskan bahawa keterangkuman gender menjadikan hak golongan wanita serta lelaki akan lebih terbela.

"Prinsip itu bukan semata-mata untuk golongan wanita, tetapi ia akan menjamin penglibatan lelaki juga.

"Saya percaya, dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mencapai keseimbangan gender dan membela hak lelaki serta wanita, Pulau Pinang akan menjadi sebuah negeri yang terangkum *(inclusive)* dan tiada golongan yang tercicir," ujar ADUN Padang Lalang berkaitan.

# Harap bidang kuasa mahkamah syariah dapat diperluaskan




DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) sambil diiringi Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kiri sekali) dan Abdul Razak Jaafar (kanan sekali) menunjukkan cenderamata khas yang diterima bersempena majlis perasmian kompleks baharu Bangunan Mahkamah Rendah Syariah Daerah SPT di sini baru-baru ini.

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BAGAN LALANG** - Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas baru-baru ini merasmikan kompleks baharu Bangunan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) di Jalan Betek dekat sini.

Semasa berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa pihaknya berharap dengan pembukaan kompleks tersebut, ia akan menjadi satu lagi mercu tanda usaha kerajaan dalam memartabatkan kedudukan Mahkamah Syariah di negeri ini.

"Malahan, kita berharap bidang kuasa Mahkamah Syariah dapat diperluaskan lagi untuk semua perkara yang berkaitan dengan umat Islam sama ada daripada segi muamalat, pentadbiran harta dan lain-lain lagi.

"Dengan itu, kita juga berharap perjawatan di Mahkamah Syariah dapat dinaik taraf dan menjadi lebih tinggi berbanding gred-gred perjawatan yang setaraf demi menjadikan (kedudukan) Mahkamah Syariah lebih dihormati oleh umat Islam di Pulau Pinang ini," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada majlis berkaitan.

Turut berucap, Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang, YAA Dato' Muhamad Abdul Karim Wahab.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang; Mufti Negeri, Sohibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar.

Dalam sidang media selepas itu, Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar turut memberi ulasan lanjut kepada ucapan Ahmad Zakiyuddin berhubung isu menaikkan gred gaji kakitangan Jabatan Kehakiman Syarie Negeri Pulau Pinang (JKSNPP) supaya setaraf dengan kakitangan awam di mahkamah sivil.

Menurut beliau, inisiatif tersebut adalah selari dengan hasrat serta titah Yang Dipertuan Agong semasa merasmikan Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang pada 21 Disember 2019.

"Kita (JKSM) dalam proses membangunkan organisasi sumber manusia Jabatan Kehakiman Syariah di seluruh Malaysia.

"Ini kerana, JKSM di agensi (kerajaan) peringkat Persekutuan sebagai badan yang menjaga hal kebajikan dan kedudukan Mahkamah Syariah di seluruh negara, kita akan membentuk suatu jawatankuasa, InsyaAllah akan disertai oleh Ketua-ketua Pendaftar Mahkamah Syariah negeri termasuk Pulau Pinang.

"Sebagaimana komitmen yang disebutkan oleh Timbalan Ketua Menteri I sebentar tadi, InsyaAllah kita akan menubuhkan jawatankuasa di peringkat Persekutuan dan cadangan peningkatan daripada sudut perjawatan serta gred penjawat awam di Mahkamah Syariah ini akan diambil kira," ulasnya.

## Pulau A dilaksana secara JV, tanah tetap milikan Kerajaan Negeri

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) memutuskan bahawa pelaksanaan kerja-kerja tambakan Pulau A (sahaja) bagi projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) akan dilaksanakan secara usaha sama atau *joint-venture* (JV).

Keputusan tersebut adalah ekoran beberapa siri rundingan di antara Kerajaan Negeri dan pihak *Project Delivery Partner* (PDP) iaitu *SRS Consortium* bagi memenuhi keperluan dana tambahan untuk pembiayaan PSR dengan mengambil kira kesan ekonomi akibat pandemik COVID-19 serta keputusan Kerajaan Persekutuan menarik balik kelulusan memberi jaminan bagi pinjaman Kerajaan Negeri, dan PDP telah diminta untuk mengemukakan beberapa cadangan pembiayaan alternatif.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa berikutan keputusan yang dibuat pada 24 Mac 2021 tersebut, pembangunan Pulau A tidak lagi akan dilaksanakan di bawah model PDP seperti *master agreement* (MA) yang ditandatangani pada 1 Julai 2020 bersama-sama *SRS Consortium*, bagaimanapun, Pulau B dan Pulau C masih kekal pelaksanaannya secara PDP.

"Satu perjanjian tambahan *(supplementary agreement)* akan dimeterai bagi perubahan kaedah pelaksanaan ini, dan kerja-kerja awalan ukur serta penyelidikan tanah atau *soil investigation* di tapak Pulau A bagi projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) akan dimulakan pada 29 Mac 2021.

"Kerajaan Negeri ingin menjelaskan bahawa dengan perkembangan terbaru ini, ia tidak bermakna projek PSR sudah menjadi milik swasta. Tanah yang ditambak masih dimiliki oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dan PSR tetap projek milikan Kerajaan Negeri yang dibangunkan untuk membina masa depan lebih baik untuk rakyat negeri ini.

"Malah, Kerajaan Negeri masih lagi bertanggungjawab untuk pemberian milik tanah kepada pembida tertinggi yang berjaya," ujarnya pada sidang media di sini 25 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari; Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin; Ketua Pegawai Ekskutif Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PICSB), Dato' Seri Farizan Darus dan Pengarah Projek SRS Consortium, Szeto Wai Loong.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memaklumkan bahawa melalui kaedah terbaharu JV berkaitan, semua kerja tambakan Pulau A akan dilaksanakan oleh syarikat usahasama yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri bersama-sama *SRS Consortium*.

"Kepentingan Kerajaan Negeri dalam JV ini akan diwakili oleh PICSB dan Kerajaan Negeri selaku pemilik projek juga akan memberikan hak penuh dan eksklusif kepada syarikat usahasama ini untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan Pulau A.

"(Hak-hak ini) termasuk mendapatkan kelulusan merancang, menyediakan infrastruktur awam dengan bercirikan bandar raya pintar termasuk Lebuhraya Pan Island Link 2A (PIL 2A) serta menjalankan aktiviti pemasaran untuk menarik pelabur daripada industri berteknologi tinggi dan penjualan tanah," jelasnya.

Tambah Kon Yeow, dua syarikat usahasama akan ditubuhkan iaitu *project developer* (PD) dan *turnkey contractor* (TC).

"Kedua-dua syarikat usahasama ini akan melibatkan PICSB dan *SRS Consortium* dengan pegangan ekuiti (perkongsian) masing-masing 30:70 peratus yang mana SRS PD akan membiayai semua modal ekuiti dan menguruskan pinjaman diperlukan bagi menunaikan kewajibannya dalam pembangunan projek.

"Pelaksanaan kerja pula akan dianugerahkan kepada kontraktor TC yang akan melantik Gamuda Engineering (Gamuda) bagi kerja tambakan Fasa 1 Pulau A.

"Pelantikan Gamuda adalah sebagai jaminan bahawa kerja-kerja tambakan akan berjalan sebagaimana dirancang termasuk memperlahankan kerja tambakan jika berlakunya kekurangan permintaan tanah di Pulau A dan sebaliknya.

"(Dan) kesemua kerja-kerja selain daripada tambakan Fasa 1 bagi pembangunan Pulau A akan dilakukan secara tender terbuka," katanya.

Bagi memastikan projek dilaksanakan dengan telus dan cekap, Kon Yeow memberitahu bahawa jurutera perunding bebas akan dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk menyemak serta mengesahkan kadar pembayaran yang dikenakan untuk pelaksanaan projek.

Sebagai rekod, pada 1 Julai 2020, Kerajaan Negeri telah menandatangani MA bersama-sama *SRS Consortium* bagi pelaksanaan Projek PSR melibatkan pembinaan tiga buah pulau secara PDP.

Selaras dengan MA tersebut, *SRS Consortium* bertanggungjawab mengurus dan melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Awam (PTMP) berdasarkan tempoh masa serta bajet yang ditetapkan.

*SRS Consortium* juga bersetuju menyediakan pinjaman atau *bridging loan* berjumlah RM1.3 bilion bagi tujuan projek PSR ini. Hasil tanah projek PSR kemudiannya akan digunakan untuk membiayai PTMP.

Setelah beberapa siri rundingan dan dengan mengambil kira kesan ekonomi akibat pandemik COVID-19 serta keputusan Kerajaan Persekutuan menarik balik kelulusan untuk memberi jaminan bagi pinjaman Kerajaan Negeri, pihak PDP telah diminta mengemukakan beberapa cadangan pembiayaan alternatif.

PDP melalui surat bertarikh 15 Februari 2021 mencadangkan pelaksanaan tambakan Pulau A dilakukan melalui inisiatif pembiayaan swasta oleh *SRS Consortium* sepenuhnya tanpa melibatkan pengeluaran dana Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berulang kali mempertahankan Projek PSR sebagai satu pelan pembangunan strategik yang akan menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya pintar, destinasi pelaburan dan pelancongan bertaraf dunia.

Malah, melalui projek tersebut juga, lebih 300,000 peluang pekerjaan berkualiti dapat dijana pada masa hadapan.

"Saya percaya pembangunan Pulau A akan menjadi pemangkin ekonomi untuk Pulau B dan Pulau C.

"Kerajaan Negeri juga tidak boleh leka dalam memastikan ekonomi negeri terus berkembang demi kesejahteraan rakyat," ulasnya.

Dalam pada itu, Wai Loong ketika menjawab soalan pemberita memaklumkan bahawa selain membangunkan rumah mampu milik, turut diberi perhatian adalah pembangunan bercampur yang mematuhi piawaian bagi kesan minimum kepada alam sekitar.

# Bukit Bendera laksana penarafan Fasa 4

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**




**KETUA Menteri merakam gambar kenangan berlatar belakangkan salah satu mercu tanda Bukit Bendera pada acara majlis pecah tanah fasa empat projek penarafan Stesen Atas Bukit Bendera di sini baru-baru ini.**

**AIR PUTIH -** Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC) bakal melaksanakan fasa empat projek penarafan Stesen Atas Bukit Bendera dengan kos berjumlah RM9.3 juta.

Inisiatif tersebut adalah demi meningkatkan keselesaan serta kapasiti pengunjung sehingga 700 orang pada satu-satu masa berbanding kini (kira-kira 200).

Semasa berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya memberi jaminan segala reka bentuk projek berskala besar tersebut adalah mesra alam serta mematuhi garis panduan ditetapkan dalam Rancangan Kawasan Khas (RKK) 2016 dan RKK (Penggantian) 2020.

"Tujuan utama projek ini adalah untuk meningkatkan keselesaan pengunjung dan menjadikan Bukit Bendera destinasi pelancongan utama pada masa hadapan.

"Projek (penarafan) ini perlu mencapai pengiktirafan emas bagi *'Green Building Index'* (GBI)," jelasnya yang juga Pengerusi PHC pada acara majlis pecah tanah projek tersebut di puncak Bukit Bendera dekat sini pada 20 Mac 2021.

Turut serta, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong; ADUN Air Putih, Lim Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; ADUN Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Menurut Kon Yeow, projek tersebut adalah meliputi kerja-kerja memperluas kawasan menunggu serta mempertingkatkan kemudahan di Stesen Atas Bukit Bendera.

"Kami (Kerajaan Negeri) berhasrat untuk mengekalkan elemen hijau sedia ada seperti pokok-pokok di sekitar kawasan ini untuk mengekalkan estetika serta tarikan semula jadi kawasan puncak Bukit Bendera," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Selain itu, tambah Kon Yeow, reka bentuk bangunan yang akan dibina kelak juga lebih mesra untuk semua golongan terutama pengunjung berusia serta orang kurang upaya (OKU).

Di samping itu, beliau turut menjelaskan bahawa PHC akan membangunkan sistem pengurusan *'smart queue'* (JustQ 2.0) secara dalaman di Stesen Atas Bukit Bendera sebagaimana yang telah ada di Stesen Bawah Bukit Bendera.

"Pengunjung hanya perlu sampai ke stesen sebaik sahaja nombor giliran mereka dipanggil...(yang mana) mereka boleh mendapatkan nombor giliran melalui kaunter tiket serta jadual waktu daripada panel paparan atau kod QR yang disediakan di kemudahan utama di atas puncak bukit tersebut," ulasnya.

Sebelum itu, Pengurus PHC, Dato' Cheok Lay Leng menyatakan bahawa projek berskala besar tersebut terpaksa ditangguhkan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lepas.

"Kerja-kerja menaik taraf projek ini akan mengambil masa selama 18 bulan untuk siap," katanya.

# Komited tingkat kualiti air sungai negeri

**PADANG LALANG -** Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya akan terus mengambil langkah proaktif bersama-sama jabatan serta agensi terlibat bagi mengatasi masalah air dan alam sekitar di Pulau Pinang.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata demikian semasa merasmikan Majlis Gotong-Royong Perdana Sempena Sambutan Hari Air Sedunia 2021 Peringkat Negeri Pulau Pinang di tebing Sungai Rambai berhampiran Taman Binjai dekat sini pada 27 Mac 2021.

"Kerajaan Negeri amat mengambil berat akan statistik kualiti air sungai yang semakin merosot dan sangat membimbangkan.

"Kualiti air di Sungai Pinang, Sungai Jawi dan Sungai Juru masih berada antara Kelas III serta IV, dan sungai-sungai lain di negeri kita tidak menunjukkan peningkatan (daripada sudut) kualiti air, malahan menunjukkan trend yang tidak konsisten termasuk Sungai Rambai yang berada pada Kelas III.

"Atas maksud itu, Sungai Rambai dekat Bukit Mertajam dipilih sebagai lokasi untuk penganjuran program gotong-royong bersesuaian dengan usaha serta hasrat Kerajaan Negeri untuk mentransformasikan Sungai Rambai menjadi lebih bersih," ujarnya pada majlis berkaitan.

Selain itu, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019 telah membiayai kerja-kerja pengindahan dan memperbaiki sebahagian daripada 5.09 kilometer (km) panjang Sungai Rambai dengan penglibatan peruntukan sebanyak RM435,000, sementara RM809,000 bagi tahun 2020.

"Pada tahun ini (2021), sebanyak RM200,000 telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja penaiktarafan ban Sungai Rambai dan kerja pengindahan rizab Sungai Rambai bagi manfaat lanjut penduduk di kawasan sekitar," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang, Ir. Shukri Muslim turut berucap pada majlis sama.

Turut hadir, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng yang juga ADUN Padang Lalang; Exco Infrastruktur dan Pengangkutan merangkap ADUN Tanjung Bunga, Zairil Khir Johari; ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Hampir 150 individu daripada kalangan pelajar, badan bukan kerajaan (NGO), pihak berkuasa tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Tengah (PDTSPT), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) serta penduduk setempat menyertai acara gotong-royong membersihkan tebing Sungai Rambai di sini, dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) berwajib yang ketat.

**DUA peserta yang mengambil bahagian dalam Majlis Gotong-Royong Perdana Sempena Sambutan Hari Air Sedunia 2021 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**



# Tingkat hasil pesawah dengan teknologi dron

**SEBERANG JAYA -** Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin menyeru pesawah di negeri ini supaya mula memanfaatkan penggunaan pesawat tanpa pemandu atau dron dalam sektor pertanian demi meningkatkan tahap sara hidup (SSL) negara di negeri ini.

Menurut beliau, penggunaan dron di kawasan jelapang padi Seberang Perai yang berkeluasan 2,398 hektar mampu menyumbang kepada peningkatan SSL negara berjumlah 80 peratus pada masa hadapan berbanding 71.6 peratus bagi tahun 2020.

"Saya difahamkan bahawa dengan penggunaan dron untuk kerja-kerja menabur benih, meracun, membaja dan lain-lain boleh dilaksanakan (secepat) enam minit sahaja untuk satu-satu hektar tanah sawah.

"Ini bermakna, pengusaha sawah juga boleh menjimatkan kos, tenaga buruh dan masa selain daripada keberkesanan yang dapat dipertingkatkan dengan penggunaan dron.

"Secara tidak langsung, ini dapat meningkatkan hasil pendapatan pengusaha sawah pada akhir musim penanaman padi berbanding dengan kaedah penyelenggaraan ladang (secara) konvensional," jelasnya semasa menyampaikan ucapan perasmian penutup dalam Kursus Pengendalian dan Simulasi Dron Dalam Tanaman Padi di perkarangan Kompleks Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad dekat sini pada 17 Mac 2021.

Bagi Norlela, inisiatif Jabatan Pertanian Negeri dan Pejabat Pertanian Daerah menganjurkan kursus selama dua hari dengan penglibatan 16 belia yang berbakat dalam mengendalikan dron tersebut sebenarnya adalah bertujuan menerapkan elemen Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) demi meningkatkan hasil pertanian serta pendapatan isi rumah rakyat.

"Oleh itu, kerajaan perlu membantu dalam meningkatkan pengeluaran hasil bagi setiap hektar tanah agar sasaran lapan hingga 10 matrik tan per hektar dapat direalisasikan, dan ini akan meningkatkan juga pendapatan pesawah melalui penggunaan dron," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti.

Serentak itu, Norlela turut berharap mereka yang menyertai kursus tersebut dapat memanfaatkan perkembangan ilmu serta teknologi yang ada dalam menguruskan tanaman padi masing-masing pada musim akan datang.

Sebelum pada itu, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Muhaimin Ibrahim memberitahu bahawa pesawah di Pulau Pinang sebenarnya tidak perlu bimbang untuk memanfaatkan IR 4.0 memandangkan terdapat kira-kira 35 unit yang boleh menawarkan perkhidmatan pengendalian dron untuk tujuan pertanian kini.

# Sambut baik inovasi baru pembinaan RMM

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**PERMATANG BERANGAN –** Scientex Tasek Gelugor yang dibina oleh pemaju Scientex Berhad Group menjadi projek pembinaan rumah mampu milik (RMM) jenis teres dua tingkat pertama dibina di negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri menyambut baik inovasi pembinaan tersebut yang menyokong usaha penyediaan RMM bermutu tinggi di negeri ini.

"Kerajaan Negeri bangga untuk menyatakan bahawa Scientex Tasek Gelugor merupakan projek pembinaan RMM pertama di negeri ini bercirikan Skim RMM Jenis Teres *'Landed'* 2 Tingkat dengan status pemilikan individu.




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama para pembeli layak pada Majlis Pembukaan Rumah Contoh Scientex Tasek Gelugor dekat sini baru-baru ini.**

"Projek ini bukan sahaja menyediakan satu alternatif dan lembaran baru dalam perspektif pemilikan rumah impian, malah turut menyokong keseluruhan penyediaan serta pembekalan rumah mampu milik yang kondusif dan bermutu tinggi di negeri ini.

"Selama ini, kita hanya membayangkan bahawa RMM adalah tidak melebihi 850 kaki persegi, tetapi ini membuktikan bahawa sekiranya ada unsur-unsur sesuai, projek perumahan seperti ini juga boleh dijayakan oleh pemaju yang berpengalaman.

"Dalam kes ini, saya percaya pihak hartanah Scientex yang sudah menceburi sektor hartanah sejak tahun 1995 mempunyai cukup pengalaman untuk mereka bentuk rumah-rumah sesuai didiami oleh pembeli," katanya semasa merasmikan Majlis Pembukaan Rumah Contoh Scientex Tasek Gelugor dekat sini 20 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pengarah Urusan Scientex, Lim Peng Jin serta Ketua Pegawai Operasi Hartanah Scientex, Datuk Alex Khaw Giet Thye.

Pada majlis itu juga, Kon Yeow turut menyampaikan surat tawaran kepada pembeli-pembeli yang layak.

Tambah beliau, pembinaan projek berkaitan juga selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menambah baik kualiti kehidupan demi mencapai sasaran menyediakan perumahan yang selesa serta mencukupi kepada rakyat di negeri ini.

"Selaras dengan hasrat itu, Kerajaan Negeri telah meletakkan sasaran baharu untuk menyediakan 220,000 unit RMM menjelang 2030 berbanding sasaran asal iaitu 180,000 unit seperti yang terkandung dalam Visi Penang2030.

"Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri juga memperkenalkan Kempen Pemilikan Rumah Negeri Pulau Pinang 2020, termasuk menyediakan insentif tambahan melalui pemberian diskaun, pengecualian dan aspek pematuhan yang dijangka dapat mengurangkan kos pembinaan," ujarnya.

Dalam pada itu, Jagdeep menjelaskan bahawa sasaran baru tersebut adalah realistik memandangkan Pulau Pinang telah berjaya menyediakan 114,000 unit RMM dalam pelbagai peringkat pembinaan ketika ini.

"Ini menunjukkan bahawa kita (Kerajaan Negeri) telah mencapai 50.03 peratus daripada sasaran yang telah kita tetapkan," ulasnya.

Sementara itu, Alex Khaw memaklumkan bahawa projek Scientex Tasek Gelugor dibina menggunakan teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang telah mempercepatkan lagi tempoh pembinaan.

"Kami berjanji dalam tempoh lima tahun ini, sejumlah 2,332 unit teres dua tingkat mampu milik Pulau Pinang akan siap dibina di Tasek Gelugor," katanya.

Beliau berkata, visi Scientex ketika ini adalah untuk membina serta menyiapkan kira-kira 50,000 unit RMM menjelang tahun 2028.

"Sehingga kini, Scientex telah berjaya membina lebih 22,000 unit RMM berharga bawah RM500,000 yang mana 70 peratus daripadanya berharga bawah RM300,000," jelasnya.

Difahamkan, projek perumahan Scientex Tasek Gelugor dibina di atas tanah seluas 179.69 ekar dengan anggaran kos berjumlah RM500 juta.

Pembinaan projek berkaitan bermula pada 1 Oktober 2020 dengan fasa pertama melibatkan 382 unit rumah teres dan dijangka siap pada Julai 2022 manakala keseluruhan projek pula dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2025.

## RM267 juta penyelenggaraan skim perumahan awam serta swasta

**DATUK KERAMAT –** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bnadar dan Desa, Jagdeep Singh Deo mengumumkan kelulusan peruntukan RM500,000 untuk kerja-kerja menaik taraf skim perumahan awam Taman Free School bagi tahun 2021.

Beliau berkata demikian semasa mengadakan sidang media selepas menyampaikan sumbangan bungkusan makanan kepada warga emas di skim perumahan tersebut di sini pada 23 Mac lalu.

"Peruntukan diluluskan oleh Kerajaan Negeri di bawah Belanja Pembangunan P01 bagi Tahun 2021 adalah sebanyak RM7 juta melibatkan 40 perolehan kerja membabitkan 15 skim Perumahan Awam Kerajaan Negeri.

"Beberapa kerja penyelenggaraan akan dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), antaranya menaik taraf tempat sampah pukal yang rosak serta penggantian bumbung dewan awam.

"Selain itu, kerja-kerja mengganti paip air retikulasi yang lama dan reput, penggantian pintu utiliti serta pintu sampah yang rosak turut akan dijalankan," ujarnya.

Hadir sama, Pengurus Besar LMNPP, 'Ainul Fadhilah Samsudi dan Ketua Pegawai Bisnes LMNPP, Fakhrurrazi Ibnu Omar.

Pada sidang media sama, Jagdeep memberitahu bahawa sejak 2008, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang juga telah membelanjakan sejumlah RM267 juta bagi penyelenggaraan skim perumahan awam serta swasta di negeri ini.

"Apa yang penting, di Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri) ingin membantu semua skim perumahan awam dan swasta yang layak supaya diberi keutamaan selain daripada menyediakan bekalan perumahan mencukupi.

"Dalam menyediakan perumahan mampu milik pula, kita berada di landasan tepat iaitu telah menyediakan 114,000 unit kini bagi memenuhi sasaran 220,000 menjelang tahun 2030," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Fasa pertama *Gurney Wharf* jangka siap tahun depan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Fasa pertama projek *Gurney Wharf* yang bernilai RM176 juta dijangka siap pada separuh pertama tahun 2022.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa kerja fizikal projek berkenaan akan bermula pada suku ketiga tahun ini dan tender terbuka akan dipanggil pada Jun 2021.

"Fasa pertama dijangka siap dan dibuka kepada orang awam tahun depan.

"Fasa (pertama) ini adalah merangkumi kawasan (taman) hijau sejajar misi serta visi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau dan bersih," ujarnya pada majlis sidang media sejurus lawatan tapak di sini pada 19 Mac lalu.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad dan Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), S. Bharathi.

Kerja-kerja penambakan di sepanjang pantai Persiaran Gurney telah bermula pada tahun 2016, dan penambakan seluas 131.09 ekar itu selesai pada September 2019.

Kerja-kerja penambakan dilakukan berdasarkan perjanjian konsesi yang ditanda tangani antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. (TPD), anak syarikat Eastern & Oriental Berhad.

Jagdeep memberitahu bahawa hampir 50 ekar projek *Gurney Wharf* bakal dijadikan sebagai taman awam lengkap dengan pelbagai kemudahan termasuk kemudahan untuk golongan orang kurang upaya (OKU).

"Taman ini terdiri daripada landskap, taman persiaran, taman permainan kanak-kanak, kiosk jualan makanan ringan dan cenderamata serta kemudahan untuk golongan OKU.

"Malah, kemudahan teksi air juga akan disediakan di sini namun masih di peringkat perancangan," katanya.



JAGDEEP Singh Deo (depan sekali) bersama-sama wakil serta jemputan berkaitan merakam gambar kenangan pada sesi lawatan tapak di sini baru-baru ini.





ILUSTRASI grafik *Gurney Wharf* apabila siap kelak.

## Berjaya jimat kos, komited sedia infrastruktur demi rakyat

**MACHANG BUBUK -** Jambatan baharu merentasi Sungai Machang Bubuk dekat sini telah siap dan dibuka kepada lalu lintas sejak 16 Mac 2021.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa kerja-kerja pembinaan jambatan baharu itu telah bermula sejak Ogos 2018 dan siap sepenuhnya mengikut jadual pada 22 Februari 2021.

Menurut beliau, kos asal projek pembinaan tersebut dianggarkan pada RM4.47 juta namun kos akhir hanyalah RM3.1 juta.

"Ini bermakna kita (Kerajaan Negeri) berjaya menjimatkan kos sekitar RM1.37 juta.

"(Dan) dengan penyempurnaan projek ini, membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam menyediakan infrastruktur kepada rakyatnya terutama di kawasan luar bandar demi manfaat semua.

"Saya berharap dengan penyempurnaan projek jambatan baharu ini, maka kesesakan lalu lintas di kawasan sekitar ini dapat dikurangkan serta memberi manfaat dan jaminan keselamatan kepada pengguna yang menggunakan laluan ini setiap hari," ujarnya ketika hadir pada Majlis Perasmian Projek Jambatan Sungai Machang Bubuk dekat sini pada 16 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang, Ir. Dr. G. Balamurugan.

Dalam pada itu, Balamurugan ketika ditemui memaklumkan bahawa projek pembinaan jambatan itu melibatkan pelebaran laluan, penurapan semula permukaan jalan dan penaiktarafan parit monsun berdekatan jambatan tersebut.

"Penyempurnaan projek ini bukan sahaja akan membangkitkan imej kawasan sekitar Machang Bubuk yang terletak berhampiran Bukit Mertajam tetapi juga membantu mengurangkan risiko banjir pada masa hadapan.

ZAIRIL Khir Johari (kanan sekali) bersama-sama Lee Khai Loon (kiri sekali) dan Steven Sim Chee Keong meneliti pelan pelaksanaan berlatar belakangkan jambatan baru yang merentasi Sungai Machang Bubuk di sini.



# Manfaatkan sistem analitik video, CCTV pantau SOP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MBPP**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 1,243 unit kamera litar tertutup (CCTV) termasuk 553 unit dilengkapi sistem analitik video yang siap dipasang di seluruh negeri ini akan dimanfaatkan demi membantu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) meningkatkan operasi pemantauan prosedur operasi standard (SOP) semasa pandemik COVID-19.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa Kerajaan Negeri hari ini bukan sahaja akan menambah bilangan CCTV di kawasan strategik sebagaimana dicadangkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), bahkan akan menaik taraf sistem pintar sedia ada itu dengan kelengkapan sistem analitik video.

"Kita sedang menaik taraf daripada CCTV 'biasa' kepada (sistem) analitik video.

"Saya telah mengarahkan kedua-dua Datuk Bandar (MBPP dan MBSP) saya untuk meningkatkan operasi pemantauan tahap pematuhan SOP dengan menggunakan sistem pintar ini," jelasnya yang juga Ahli Undangan Dewan Negeri (ADUN) Datuk Keramat di Pusat Operasi Pintar (IOC) dekat Komtar pada 15 Mac 2021.

Bercakap pada sidang media sama, Pengarah Kejuruteraan MBPP, Ir. A. Rajendran memberitahu bahawa kompaun tidak boleh dikeluarkan berdasarkan rakaman CCTV tersebut.

Sebaliknya, menurut beliau, kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan hanya boleh memanfaatkan rakaman CCTV tersebut untuk membantu operasi penguatkuasaan di lapangan, seperti memberi amaran menerusi pembesar suara pintar sebelum mengeluarkan kompaun berwajib kepada mereka yang ingkar perintah.

Sebelum pada itu, Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali memberitahu bahawa 528 unit daripada 1,001 unit CCTV yang siap dipasang di kawasan pentadbiran PBT berkenaan telahpun dilengkapi sistem rakaman video analitik.

Sementara di bahagian pentadbiran Seberang Perai pula, beliau memberitahu bahawa sejumlah 25 unit daripada 242 CCTV dilengkapi sistem sama.



**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri) bersama-sama tiga pemimpin lain ketika mengadakan lawatan ke Bilik CCTV dekat Komtar baru-baru ini.**

# Pelan Induk Sukan Pulau Pinang jaminan negeri tidak ketandusan atlet

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**EXCO** Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berharap agar baki kira-kira sembilan bulan yang ada pada tahun ini dapat merencana kembali program Sukan Untuk Semua ataupun *Sports for All*.

Menurut beliau, setelah setahun diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020, rancangan mewujudkan Pelan Induk Sukan Pulau Pinang (PSMP) antara yang terkesan.

"Setelah mengangkat sumpah pada 16 Mei 2018 sebagai Exco Belia dan Sukan, saya ambil masa untuk kenali sukan, pergi jumpa Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Majlis Sukan Negara (MSN), Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan pelbagai agensi sukan yang lain.

"Setelah berjumpa semua pihak, saya dapati perlunya untuk membudayakan sukan melalui suatu pelan tindakan yakni PSMP selain mengadakan klinik sukan kurang popular kepada rakyat, dan saya dapati keseluruhan ada 46 jenis sukan yang perlu diberikan perhatian.

"Jadi saya berharap dalam masa terdekat, kita dapat meneruskan semula rancangan membangunkan PSMP yang juga merupakan pelan untuk kita menyediakan pelapis-pelapis atlet untuk masa depan agar tidak ketandusan atlet," ujar Lip Chee dalam satu temu bual bersama-sama Buletin Mutiara 18 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Lip Chee memberitahu bahawa fasiliti dan kemudahan sukan seluruh negeri kini juga dalam perhatian Kerajaan Negeri.

"Pembangunan fasiliti atau pusat kemudahan sangat penting. Saya ambil contoh gimnastik, cuma ada satu kemudahan di Batu Uban, bagi saya ia masih perlu satu lagi kemudahan di Seberang Perai.




SOON Lip Chee.

"Begitu juga dengan skuasy, hanya ada di Bukit Dumbar sahaja, jadi macam mana nak tarik minat orang yang duduk di luar kawasan pulau?

"Justeru, kemudahan sukan terutamanya di luar bandar adalah amat penting sebagai *talent pool* kepada negeri bagi menarik lebih ramai pihak untuk mencuba sukan lain apabila ada kemudahan yang lebih dekat dengan mereka," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Selain itu, Lip Chee turut berkongsi mengenai perancangan program PACE *(Penang Athlete Career Education)* sebagai jaminan pendidikan serta kerjaya masa depan atlet dan penubuhan Tabung Sukan Negeri MSNPP bagi menjayakan agenda pembangunan sukan di negeri ini.

Seiring kemajuan Pulau Pinang, golongan belia turut tidak ketinggalan dengan pengenalan program Belia Untuk Masa Depan.

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah diberi tanggungjawab sebagai penggerak utama dalam memastikan belia negeri ini terus diperkasakan.

"Belia untuk masa depan merangkumi pemerkasaan dalam ekonomi gig dan ekonomi digital. Serentak itu, Program Bakat Digital Muda atau *'Penang Young Digital Talent Program'* turut diwujudkan dengan tujuan membantu golongan lepasan universiti, mahasiswa serta belia umumnya untuk menguasai bidang digital dan menyerlahkan potensi sebenar belia.

"Belia akan dilatih semula dengan kemahiran baharu dan menambah baik kemahiran atau *'upskilling'* sekali gus membantu melengkapkan anak-anak muda kita dengan set kemahiran baharu yang relevan dengan pasaran pekerjaan terkini," jelasnya.



**Sesi Libat Urus Antara Exco Bersama-sama ADUN Pulau Pinang**

*(Sambungan dari muka 1).*

# Asrama pekerja warga asing, lima diluluskan

**GEORGE TOWN -** Seramai 6,221 pekerja warga asing di negeri ini kini ditempatkan di dua asrama pekerja berasingan iaitu dekat Mukim 14 Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) yang memuatkan 3,321 orang dan Mukim 12 Daerah Barat Daya (DBD) dekat Batu Maung (2,900).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa selain dua asrama pekerja tersebut, Kerajaan Negeri turut mempunyai perancangan membina asrama pekerja yang sesuai untuk penempatan pekerja warga asing tetapi tergendala akibat pandemik COVID-19.

"Sebanyak lima buah asrama pekerja telah diluluskan dan sedang dalam pembinaan iaitu dua di Mukim 13 Daerah Seberang Perai Tengah (SPT); Mukim 12 Daerah SPS (2) dan Mukim 14 Daerah SPT (1).

"Manakala, satu permohonan baru masih dalam proses perlingkungan semula di DBD yang dijangka mampu menempatkan sehingga 30,000 pekerja warga asing," ujarnya sebagai respons terhadap soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye pada Sesi Libat Urus Antara Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Bersama-sama ADUN Pulau Pinang di sini pada 30 Mac 2021.

Mengulas lanjut mengenai keperluan membangunkan asrama pekerja warga asing, Jagdeep memberitahu bahawa pekerja warga asing turut memainkan peranan penting dalam pembangunan di negara ini.

"Justeru, adalah amat penting untuk menyediakan penginapan yang bersesuaian mengikut undang-undang (Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990, Akta 446).

"Malah, dengan adanya asrama pekerja maka pekerja warga asing tidak lagi perlu menyewa di taman atau kawasan perumahan awam, dan daripada segi keselamatan serta kesihatan awam (perebakan COVID-19) ia dipercayai akan dapat dikawal sekali gus mengurangkan kebarangkalian kebolehjangkitan dalam kalangan pekerja warga asing dan komuniti setempat," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri membenarkan penempatan pekerja asing dibangunkan di tapak kosong yang bersesuaian dalam kawasan kilang sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19.

"Setakat ini, kita (Kerajaan Negeri) menerima beberapa permohonan daripada pemilik kilang di kawasan Seberang Perai untuk mendirikan asrama pekerja asing dalam kawasan kilang masing-masing.

